

**Kuasa Besar Boleh Campur Tangan Jika Negara Bergolak - TPM
Bernama
Julai 2, 2011**

TAIPING: Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Sabtu memberi amaran kemungkinan kuasa besar dunia akan campur tangan dalam urusan negara ini jika berlaku pergolakan akibat daripada perhimpunan haram oleh kumpulan pengacau pada 9 Julai ini.

"Apabila bergolak, kuasa besar boleh masuk...kita tidak mahu Malaysia yangdibangunkan sejak 50 tahun berdepan dengan masalah seperti itu," katanya semasa berucap pada Majlis Perjumpaan Rakyat di Padang Taman Kaya di sini.

Beliau berkata apabila berlaku pergolakan, akan berlaku ketidakstabilan yang menjejaskan ekonomi dan merosakkan perpaduan antara kaum dan agama yang telahdibina selama ini.

Muhyiddin berkata rakyat tidak harus terjebak dengan perbuatan mungkar yang didalangi kononnya oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tetapi sebenarnyaurut didokongi parti-parti pembangkang yang bermatlamat untuk mengambil alihkerajaan supaya pemimpin mereka menjadi Perdana Menteri.

Katanya, perjuangan kumpulan berkenaan kononnya sistem pilihan raya negaratidak bersih dan tidak adil hanya alasan kerana sudah 12 kali pilihan raya umum diadakan dan setiap kali pilihan raya, rakyat diberi peluang membuat pilihan.

Katanya dalam setiap pilihan raya, ada kala Barisan Nasional (BN) menang ada ada kalah malah pada 2008, BN kalah di Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Selangor, Perak dan Wilayah Persekutuan.

"Kerajaan BN terima keputusan ini (kalah). BN tidak pertikai kerana yakinrakyat telah membuat pilihan dalam sistem pilihan raya yang bersih," katanya.

Beliau berkata pembangkang bagaimanapun masih mendakwa sistem itu tidakcukup dan ingin bertindak dengan membuat sistem demokrasi jalanan sebagaipatform menyemarakkan kebencian rakyat dengan mengadakan perhimpunan raksasa di Malaysia serta perhimpunan di merata dunia.

"Rakyat perlu menjauhinya (perhimpunan haram)...jangan simpati dan perlukutuk sekeras-kerasnya perbuatan yang merosakkan perpaduan," ujarinya.

Muhyiddin berkata usaha yang dijalankan oleh kumpulan berkenaan jugamempunyai motif untuk menaikkan semangat penyokong parti pembangkang terutamayang pemimpinnya sedang menghadapi masalah imej yang menurun kerana bergelutdengan pelbagai masalah politik dan perbicaraan mahkamah. Muhyiddin berkata rakyat tidak harus mengambil mudah kejayaan negara mempupuk perpaduan antara kaum dan agama, keharmonian, pembangunan dan keamananyang dikecapi selama ini.

"Apabila sebut Malaysia, kita tahu ia aman, bersatu, tiada pergolakan, tidak huru hara, tiada perang saudara dan pertumpahan darah...sudah jadi lumrahtetapi sebenarnya ia tidak mudah kalau tiada kerjasama dan konsep politik BN di mana semua duduk semeja untuk bangunkan negara," katanya.

Timbalan Perdana Menteri dalam lawatan seharusnya ke Perak sebelum itu telah membuat tinjauan mesra atau walkabout di Kampung Baru Pokok Asam dan Pasar Awam Taman Kaya.

Muhyiddin, yang diiringi Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdulkadir, sempat bersarapan dengan penduduk setempat, meninjau masalah sertaberamah mesra dengan peniaga dan para penduduk. - **BERNAMA**

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/2/mstar_berita/20110702140907&sec=mstar_berita